

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RGE 453 Kontrak & Undang-Undang Bangunan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian A dan B.

Bahagian A

Jawab DUA soalan. Soalan SATU adalah diwajibkan.

1. (a) Apakah maksud undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis?. Huraikan.
(5 markah)
- (b) Apakah ciri-ciri utama dan baik - buruk Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1984?. Bincangkan.
(10 markah)
- (c) Di dalam konteks Undang-undang Alam Bina Malaysia, huraikan istilah berikut:
 - (i) Garis Bangunan.
 - (ii) Kerja Bangunan.
 - (iii) Pemaju Perumahan.
 - (iv) Rumah

(10 markah)

...2/-

2. (a) Apakah strategi-strategi yang boleh digunakan untuk mengawal industri binaan? Bincangkan dengan memberi contoh undang-undang tempatan.
(15 markah)
- (b) Setiap strategi di atas boleh mengandungi beberapa komponen. Huraikan komponen dengan contoh-contoh tempatan.
(10 markah)
3. Secara ringkas, jelaskan perkembangan sistem kawalan Alam Bina di Negara ini. Lengkapkan jawapan anda dengan gambarajah dan undang-undang tempatan.
(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan. Soalan EMPAT adalah diwajibkan.

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan satu "kontrak"?
(5 markah)
- (b) Bincangkan unsur-unsur asas untuk pembentukan satu kontrak "simple".
(10 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan syarat-syarat kontrak?
(10 markah)
5. Berpandukan perjanjian dan jadual syarat-syarat kontrak piawai bangunan Pertubuhan Arkitek Malaysia, bincangkan perkara-perkara berikut:
- (a) Perhubungan di antara Arahan Arkitek dan Perubahan.
(5 markah)
- (b) Apakah yang perlu diambilkira dan disemak oleh Arkitek sebelum membuat keputusan terhadap permohonan lanjutan masa?
(10 markah)

- (c) Apakah kefahaman anda tentang bayaran kemajuan kepada kontraktor dan bayaran kemajuan kepada pemaju perumahan?

(10 markah)

6. Huraikan jenis-jenis kontrak bangunan.

(25 markah)

-ooo00ooo-

